



# GARIS PANDUAN

## ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



# KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah merupakan salah sebuah kementerian yang sering berurusan dengan pelbagai kumpulan pelanggan dan agensi lain dalam melaksanakan tugas harian. Oleh yang demikian, adalah penting untuk KPKT menonjolkan imej profesional, termasuk aspek keterampilan dan tatacara berpakaian ke pejabat.

Sepertimana kita sedia maklum, apabila kita melangkah masuk ke mana-mana organisasi, di sebalik kekemasan ruang pejabat, penampilan dan tatacara berpakaian akan menjadi tanggapan pertama pelanggan. Penampilan seseorang warga kerja itu akan mencerminkan kredibiliti dan keupayaannya dalam melaksanakan tugas. Sekiranya seseorang tidak berupaya menguruskan keterampilan diri, ini memberikan impresi awal bahawa seseorang itu tidak berkeupayaan untuk menguruskan tugas dengan teliti dan teratur.

Pakaian untuk ke pejabat tidak semestinya memerlukan kos yang tinggi. Sebaliknya pemilihan pakaian hendaklah dibuat berdasarkan keselesaan dalam melaksanakan tugas, berpadanan dengan susuk tubuh dan bergantung kepada tahap kewangan masing-masing. Pemilihan kasut dan aksesori pula hendaklah selesa dan bersesuaian agar tidak membataskan pergerakan individu dalam melaksanakan tugas harian.

Justeru, saya berharap agar buku Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan Ke Pejabat ini dapat dijadikan rujukan agar kita sama-sama dapat membentuk budaya berketerampilan diri yang kemas, profesional dan cemerlang bagi meningkatkan keyakinan dan persepsi pihak luar yang berurusan dengan KPKT.

*"The self image is the key to human personality and human behavior.  
Change the self image and you change the personality behavior."*

- Maxwell Maltz -

DATUK ARPAH BT ABDUL RAZAK





# ISI KANDUNGAN



OBJEKTIF

1

PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

3

PERKARA YANG DILARANG  
DALAM ETIKA BERPAKAIAN DAN  
PENAMPILAN KE PEJABAT

15

AKSESORI

18

TIPS TAMBAHAN

21

RUJUKAN

25

PENUTUP

27





# OBJEKTIF

# OBJEKTIF

Garis panduan ini diterbitkan untuk dijadikan rujukan kepada penjawat awam KPKT supaya wujud keseragaman (*uniformity*) dan konsistensi cara berpakaian dan penampilan diri bagi melahirkan imej korporat KPKT. Panduan ini menjelaskan secara terperinci mengenai tatacara berpakaian berdasarkan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh agensi pusat. Penjawat awam KPKT hendaklah memberi perhatian serius terhadap perkara ini kerana kegagalan mematuhi peraturan-peraturan ini boleh menyebabkan penjawat awam KPKT diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib ) 1993.





# PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

## LOUNGE SUIT



### LELAKI

- Gabungan 2-pieces suit yang terdiri daripada :
  - Kot
  - Seluar panjang
- Sut perlu dipadankan dengan kemeja lengan panjang dan tali leher
- Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan
- Pilihan warna sut yang digalakkan adalah warna hitam

### WANITA

- Gabungan 2-pieces suit yang terdiri daripada :
  - Kot
  - Skirt paras lutut dan skirt labuh
- Sut perlu dipakai dengan kemeja lengan panjang yang dibutangkan atau memakai cuff link
- Skirt dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan
- Pilihan warna sut skirt yang digalakkan adalah warna hitam





## KEMEJA

- Kemeja berkolar dan berlengan panjang. Hendaklah dibutangkan atau memakai *cuff link*
- Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (*tuck-in*) dan lengan tidak dilipatkan
- Pilihan warna dan corak yang digalakkan adalah warna pastel
- Kemeja berjalur hendaklah dipadankan dengan tali leher tanpa corak atau sebaliknya
- Sekiranya kemeja mempunyai butang kolar, kolar harus dibutangkan
- Lebar kolar hendaklah bersesuaian

## TALI LEHER

- Ikatan tali leher yang sesuai adalah simpul tiga
- Kedudukan pin tali leher adalah di bahagian tengah saku baju. Jika memakai *lounge suit*, tempat pin yang sesuai ialah searas atas saku baju
- Jika mengenakan *pocket handkerchief*, tali leher hendaklah dipadankan dengan corak yang sama
- Hujung kepala tali leher seeloknya mencecah bahagian 'buckle' tali pinggang





## BAJU BATIK

- Baju batik adalah wajib dipakai di pejabat pada setiap hari Khamis
- Batik yang dipakai hendaklah bercirikan batik Malaysia
- Digalakkan me bawa baju batik semasa menghadiri urusan rasmi di luar negara dan memakainya di majlis yang bersesuaian. Ini bagi melambangkan identiti dan imej Malaysia



## PAKAIAN KEBANGSAAN / TRADISIONAL

- Pakaian Kebangsaan / tradisional ialah :
  - Baju Melayu
  - Baju Kurung
  - Baju Kebaya
  - Sari
  - Sut Punjabi
  - Ceongsam
- Baju Melayu yang lengkap lengkap adalah bersamping, bersongkok hitam dan berbutang
- Baju Melayu tidak dibenarkan dipakai dengan seluar yang berbeza warna atau jenis bahan dan berselipar
- Baju kurung atau kebaya hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak terlalu ketat dengan kelabuhan yang bersesuaian)
- Fesyen baju kurung dan baju kebaya hendaklah tidak keterlaluan serta tidak menggunakan fabrik yang jarang
- Sut Punjabi, Ceongsam dan Sari yang bersesuaian dan sopan
- Pakaian ini hendaklah dipakai secara lengkap dan bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi



## PAKAIAN SERAGAM

### PEMANDU



- Pakaian seragam dibekalkan kepada Pemandu dan Pembantu Am Pejabat
- Pakaian seragam hendaklah dipakai ke pejabat dan sepanjang menjalankan tugas

### PEMBANTU AM PEJABAT

#### LELAKI



#### WANITA



## PAKAIAN SERAGAM PEGAWAI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

### PAKAIAN KERJA BUSHJAKET

**LELAKI**



- Pakaian ini dipakai oleh semua Pegawai Bomba dan diberikan mengikut tanda pangkat yang dipakai
- Pakaian ini hendaklah dipakai semasa menjalankan tugas-tugas rasmi harian

**WANITA**



## PAKAIAN KERJA SISIP DALAM



- Pakaian ini dipakai oleh semua Pegawai Bomba yang mengambil bahagian dalam apa-apa perbarisan-perbarisan kehormat yang diadakan oleh Jabatan



## PAKAIAN CELORENG BOMBA

**LELAKI**



**WANITA**



- Pakaian ini dipakai oleh semua Pegawai Bomba dan dibezakan mengikut tanda pangkat
- Pakaian ini dipakai tanpa menggunakan apa-apa pingat kebesaran atau bintang kebesaran
- Pakaian ini dikhususkan untuk menjalankan tugas-tugas khas, operasi - operasi penyelamat dan lain-lain operasi yang tidak melibatkan pemadam kebakaran
- Pakaian ini boleh juga dipakai semasa melakukan kerja harian di balai ataupun dalam perbarisan-perbarisan rasmi Jabatan di mana pemakaianya adalah seperti yang diarahkan

## PAKAIAN OPERASI MENENTANG KEBAKARAN



- Pakaian ini dipakai oleh semua Pegawai Bomba dan dibezakan mengikut tanda warna dan tanda pangkat
- Pakaian ini dipakai tanpa menggunakan gorget, lencana kolar dan apa-apa pingat kebesaran atau bintang
- Pakaian ini dipakai semasa operasi menentang kebakaran ataupun dalam latihan-latihan mahir yang berkaitan dengan operasi menentang kebakaran
- Pakaian ini boleh juga dipakai dalam perbarisan-perbarisan rasmi Jabatan di mana pemakaianya adalah seperti yang diarahkan



- Tatacara pakaian seragam Pegawai JBPM yang lengkap perlu dirujuk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Jabatan

**PAKAIAN SERAGAM PENGUATKUASA**  
**PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (PPSPPA)**

**PEGAWAI PENGUATKUASA**

**LELAKI**



**WANITA**



**PEMBANTU PENGUATKUASA**

**LELAKI**



**WANITA**



- Pakaian seragam ini dipakai ke pejabat dan sepanjang menjalankan tugas
- Tatacara pakaian seragam Pegawai Penguatkuasa PPSPPA yang lengkap perlu dirujuk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Perbadanan

## KASUT

### FORMAL LELAKI

- Bersih dan berkilat
- Bertumit (0.5" – 1.0")
- Bertutup
- Berwarna gelap
- Kulit / PVC atau setara
- Sarung kaki sepadan dengan seluar atau kasut



### FORMAL WANITA

- Bertumit (1.5" – 2.0")
- Bertutup
- Berwarna gelap
- Kulit / PVC atau setara
- Sarung kaki yang sesuai dengan warna kulit (sekiranya memakai sarung kaki)





# PERKARA YANG DILARANG

DALAM ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT



## LELAKI

## PERKARA YANG DILARANG



### KEPALA

- Menindik telinga
- Mewarnakan rambut
- Rambut mencacak, *punk* atau *skinhead*
- Janggut yang tidak kemas dan mencecah butang atas baju
- Memakai kopiah termasuk bersama baju Melayu
- Misai melebihi bahagian atas bibir
- Berkepala botak KECUALI atas sebab genetik / kesihatan atau faktor keagamaan

LELAKI	PERKARA YANG DILARANG	X
BADAN		
	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memakai sut yang berlainan warna dengan warna seluar kecuali jika memakai <i>sports-jacket</i></li><li>• Memakai tali leher berkarakter kartun atau karakter-karakter lain yang tidak sesuai</li><li>• Memakai <i>bow tie</i></li><li>• Memakai lebih dari 1 cincin pada satu tangan</li><li>• Berkuku panjang dan tidak bersih</li><li>• Kemeja berlengan pendek kecuali pakaian seragam / baju korporat yang dibenarkan oleh pihak pengurusan untuk program / aktiviti yang ditetapkan</li><li>• Kemeja bercetakkan perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucah dan yang seumpamanya</li><li>• Kemeja T (<i>T-shirt</i>)</li></ul>	

LELAKI	PERKARA YANG DILARANG	X
	KAKI	X
<ul style="list-style-type: none"><li>• Memakai selipar, kasut getah dan kasut sukan</li><li>• Kasut yang tiada bertumit (kecuali atas sebab kesihatan)</li></ul>		
<b>KETERAMPILAN UMUM</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mencacah tatoo</li><li>• Nafas berbau</li><li>• Mempunyai bau badan (khususnya bau rokok)</li></ul>		



## WANITA

## PERKARA YANG DILARANG



### KEPALA

- Melepaskan rambut atau tidak disisir rapi
- Mewarnakan rambut secara berlebihan

### BADAN

- Berkuku panjang dan kotor
- Baju yang terdedah di bahagian pinggang (*midriff*)
- Pakaian yang ketat, jarang, berleher luas atau fesyen yang tidak sesuai untuk ke pejabat
- Kemeja berlengan pendek kecuali pakaian seragam/baju korporat yang dibenarkan oleh pihak pengurusan untuk program / aktiviti yang ditetapkan
- Kemeja bercetakkan perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucu dan yang seumpamanya
- Kemeja T (*T-shirt*)

<b>WANITA</b>	<b>PERKARA YANG DILARANG</b>	<b>X</b>
	<b>KAKI</b>	
	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kasut tiada bertumit (kecuali atas sebab kesihatan)</li><li>• Selipar</li><li>• Sandal</li></ul>	
	<b>KETERAMPILAN UMUM</b>	
	<ul style="list-style-type: none"><li>• Solekan yang berlebihan</li><li>• Mencacah tatoo</li><li>• Memakai wangian yang tidak sesuai dan berlebihan</li></ul>	



## AKSESORI

## **LELAKI**

### **Pin Tali Leher :**

Dipakai selari dengan bahagian tengah saku baju

### **Tali Pinggang :**

Warna tali pinggang sepadan dengan warna kasut

## **LELAKI DAN WANITA**

### **Jam Tangan :**

Bersesuaian

### **Cermin Mata :**

Pilih bingkai yang bersesuaian

### **Wangian / Semburan :**

Pilih bauan yang lembut dan minimal bersesuaian dengan keadaan bagi mengelakkan situasi kurang menyenangkan



## **WANITA**

### **Rantai / Gelang / Cincin :**


Sederhana serta tidak terlalu sarat dan mewah

### **Solekan :**

Mengenakan solekan yang sederhana dan tidak keterlaluan bersesuaian dengan situasi dan keadaan

### **Beg Tangan :**

Beg tangan yang bersesuaian dari segi saiz dan bentuk.



## TIPS TAMBAHAN

## LELAKI DAN WANITA

- Bagi mereka yang bertubuh gempal, hendaklah memilih baju bercorak jalur menegak bagi memberi impresi tubuh yang lebih tinggi. Selain itu, baju kurung bercorak bunga besar harus dielakkan bagi wanita yang bertubuh gempal
- Bagi mereka yang terlalu kurus, adalah digalakkan untuk memilih baju berjalur melintang dan bermotifkan bunga besar bagi wanita
- Elakkan memakai kemeja daripada fabrik yang jarang dan berkilat



## WANITA

- Baju kurung hendaklah tidak melebihi dari 3 kombinasi warna bagi menampilkan imej korporat
- Skirt labuh potongan pensil memberikan kesan penampilan yang kemas dan menarik untuk semua potongan tubuh



## WANITA MENGANDUNG

- Hendaklah memakai baju mengandung yang labuh dan longgar
- Memakai kemeja atau blaus sama ada *plain* atau bercorak yang melepas punggung dan dipadankan dengan skirt labuh yang longgar
- Memakai *maxi* atau jubah labuh
- Memakai kasut atau sandal yang sesuai dan selesa



## RUJUKAN

Buku Garis Panduan Etika dan Penampilan Pemakaian ke Pejabat ini adalah tertakluk kepada arahan sedia ada yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) :

- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1975 - Pindaan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Mengenai Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-pegawai Kerajaan;
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 - Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi Bagi Pegawai Awam;
- Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006 - Fesyen Pakaian Alternatif sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi;
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 - Pemakaian Pakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam pada Hari Khamis

Maklumat dalam buku garis panduan ini adalah tepat pada waktu ia diterbitkan. Namun, ianya tertakluk kepada sebarang perubahan oleh agensi pusat dan Pengurusan KPKT.





**PENUTUP**

Semoga penerbitan Buku Garis Panduan Etika dan Pemakaian Ke Pejabat ini dapat dijadikan panduan yang lengkap kepada semua warga KPKT mengenai etika dan tatacara berpakaian ke pejabat. Amalan berpakaian yang kemas adalah penting untuk merealisasikan hasra Kementerian untuk menjadikan warga KPKT sebagai penjawat awam yang berimej unggul dan profesional pada setiap masa.



**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
No.51, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 Putrajaya**

**[www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)**